

AWATAN PM EMBAWA EJAJAN

Oleh NAZRI ABDULLAH

KEPULANGAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dari lawatannya ke negara-negara Teluk dan Jeddah selama sepuluh hari membawa bersama beberapa kejayaan yang besar erlanya bagi Malaysia dari segi ekonomi dan moral, di mata dunia antarabangsa.

Hasil lawatan itu, ketiga-tiga negara Teluk, Bahrain, Emiriyah Arab Bersatu dan Oman akan rakanan persetujuan masing-masing untuk meningkatkan lagi hubungan perdagangan dengan Malaysia.

Beberapa persetujuan asas dicapai untuk mengadakan kerjasama ekonomi termasuklah projek usahasama dan pelaburan di Malaysia.



● PERDANA Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meninjau batu Hajarat Aswad semasa melakukan tawaf Umrah di Mekah.

Peluang

Perdana Menteri sendiri semasa menjelaskan kesan lawatannya ke negara-negara Teluk mengemukakan pesat ekonomi di rantau tersebut seolah-olah tidak disoroti oleh Malaysia sebaliknya faedah perkembangan itu diiktiraf oleh negara-negara Eropah, Amerika, Korea, Jepun dan China saja.

Anggapan yang mengaitkan negara-negara Teluk hanya berpandangan pasir saja tidak tepat lagi kerana negara-negara itu kini pesat membangun dan menjadi pusat perdagangan kewangan dan perkhidmatan.

Perkembangan pesat di rantau ini perlu disoroti bersama oleh Malaysia kerana berbagai projek boleh dijalankan dengan sokongan kewangan dari negara-negara itu," jelas Perdana Menteri dalam satu sidang akhbar di sana.

Jalannya, lawatan Perdana Menteri itu bukan lagi merintis jalan tetapi menggandakan tapak ke

arah kerjasama perdagangan dan ekonomi antara kedua negara. Cuma peringkat pelaksanaannya saja mesti diikuti oleh mereka yang akan dipertalnggungjawabkan sama ada oleh pihak swasta ataupun agensi kerajaan.

Seperti yang diketahui Majlis Kerjasama Negara-Negara Teluk (GCC) mempunyai perancangan raksasa membangunkan negara-negara tersebut. Dalam konteks ini Manama, pusat perdagangan dan kewangan di Bahrain menyediakan berbagai peluang perdagangan dan perniagaan yang seharusnya diiktiraf bersama oleh Malaysia.

Melalui kenyataan bersama yang dikeluarkan oleh setiap negara yang dilawatinya, penegasan di buat untuk melanjutkan beberapa persetujuan yang menjadi realiti.

Malahan, perjumpaan Perdana Menteri dengan beberapa

Dewan Perniagaan dan Perindustrian di sana berjaya menjelaskan kepada mereka peluang-peluang pelaburan yang disediakan di Malaysia.

Negara-negara Teluk boleh menikmati pelaburan yang baik di Malaysia yang kini hanya dikuasai oleh Jepun dan Korea saja," jelas Perdana Menteri kepada Dewan Perindustrian Bahrain di hari kedua lawatannya.

Polisi

Selain dari kejayaan mencapai persetujuan meningkatkan lagi kerjasama ekonomi dan perdagangan antara kedua negara, lawatan Perdana Menteri juga berjaya menjelaskan polisi Malaysia kepada negara-negara Teluk.

Seperti yang diketahui, Malaysia memberi keutamaan kepada ASEAN dan kedua ialah negara-negara Islam.

Sehubungan dengan ini, walaupun ASEAN boleh mengadakan kerjasama dengan GCC

negara Arab terhadap peranan Malaysia dalam pembangunan Islam.

Kemuncak lawatan Perdana Menteri ialah menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Pemandam yang diadakan di Istana Al Hamra, Jeddah pada 6 Mac lalu.

Kesemua kenyataan bersama yang dikeluarkan menyokong penyelesaian politik Kampuchea dan menyanjung tinggi perjuangan ASEAN menjadikan kawasan aman, bebas dan berkecuali.

Manakala Malaysia pula menyatakan sokongan sepenuhnya mengenai penyelesaian masalah Palestin dan mengutuk tindakan Zionis Israel.

Pendirian Malaysia ini menjelaskan betapa perpaduan antara negara-negara Islam begitu kukuh sekali. Malahan, pemilihan Malaysia menjadi ahli Jawatankuasa Pemandam Pertubuhan Perisidangan Islam (OIC) merupakan pengharapan negara-

negara Arab terhadap peranan Malaysia dalam pembangunan Islam.

Kemuncak lawatan Perdana Menteri ialah menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Pemandam yang diadakan di Istana Al Hamra, Jeddah pada 6 Mac lalu.

Kesemua kenyataan bersama yang dikeluarkan menyokong penyelesaian politik Kampuchea dan menyanjung tinggi perjuangan ASEAN menjadikan kawasan aman, bebas dan berkecuali.

Manakala Malaysia pula menyatakan sokongan sepenuhnya mengenai penyelesaian masalah Palestin dan mengutuk tindakan Zionis Israel.

Pendirian Malaysia ini menjelaskan betapa perpaduan antara negara-negara Islam begitu kukuh sekali. Malahan, pemilihan Malaysia menjadi ahli Jawatankuasa Pemandam Pertubuhan Perisidangan Islam (OIC) merupakan pengharapan negara-



● KESEMPATAN masuk ke dalam Kaabah hanya untuk orang-orang bertamtu. Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir diberi penghormatan masuk ke dalam Kaabah dan memaikan sembeling bunyi di empat pernyuara.

Inilah kali pertama mesyuarat itu dihadiri oleh Perdana Menteri sendiri. Sebelum ini, Malaysia diwakili oleh bekas Menteri Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen.

Krisis

Di mesyuarat itu Perdana Menteri bukan saja dapat bertemu muka dengan tokoh-tokoh pemimpin Islam yang lain tetapi juga menyumbangkan

fikirannya ke arah penyelesaian krisis Iran-Iraq.

Di mesyuarat inilah Perdana Menteri beresema dengan pemimpin-pemimpin Islam yang lain seperti Zia Ul Hak dari Pakistan, pemimpin PLO Yasser Arafat, Salari dari Bangladesh, Ahmad Sekoutoure dari Guinea yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pemandam itu serta lain-lain pemimpin anggota Jawatankuasa.

Secara langsung, pertemuan Perdana Menteri dengan pemimpin-pemimpin negara Teluk dan kehadiran beliau di mesyuarat Jawatankuasa Pemandam OIC bukan saja meningkikan moral Malaysia di mata negara-negara Islam malahan membukakan peluang kepada Malaysia juga berkahiber dan berhemah tinggi ke arah memperjuangkan kepentingan perisidangan Islam.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia



● Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kanan) serius meneliti butiran-butiran mesyuarat semasa menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Pemandam Pertubuhan Perisidangan Islam di Istana Al-Hamra, Jeddah pada 6 Mac lalu. Di sebelah kanan beliau ialah pemimpin Pertubuhan Pembebasan Palestine Enkai Yasser Arafat.